

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

KKM beri jaminan kes COVID-19 terkawal

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) memberi jaminan kes COVID-19 terkawal menjelang Aidilfitri dan meminta orang ramai tidak panik.

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa, berkata sememangnya dalam tempoh beberapa minggu kebelakangan ini ada sedikit peningkatan jumlah kes positif COVID-19 di seluruh negara.

Bagaimanapun, situasi berkenaan masih terkawal dan kes membabitkan kematian masih rendah.

"KKM dapati kes kematian juga hanya membabitkan mereka yang berumur 60 tahun ke atas dan mempunyai penyakit kronik," katanya pada sidang media selepas mengadakan sesi Town Hall Kertas Putih Kesihatan Zon Tengah di Hotel Zecon, Hospital Pakar Kanak-Kanak (HPKK) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni; Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal), Datuk Dr Muhammad Radzi; Ahli Majlis Penasihat HWP, Prof Datuk Dr Syed Mohamed Al-Junid dan Dr Kor Kar Chai.

Dr Zaliha berkata, walaupun varian omicron tersebar dengan cepat, ia masih terkawal dan tidak kritikal.

"KKM nasihatkan orang ramai untuk tidak panik terhadap situa-



Dr Zaliha (duduk tiga dari kanan) bergambar bersama tetamu yang hadir pada sesi Town Hall Kertas Putih Kesihatan Zon Tengah di Hotel Zecon, Hospital Pakar Kanak-Kanak (HPKK) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), semalam. (Foto BERNAMA)

si COVID-19 ketika ini. Sekiranya bergejala, mereka perlu memakai pelitup muka, terutama di tempat tertutup yang mempunyai ramai orang khususnya pada musim perayaan kali ini.

"Orang ramai juga digalakkan melakukan ujian saringan sendiri COVID-19 sebelum pulang ke kam-

pung bertemu keluarga sempena Aidilfitri," katanya.

Perjelas lanjut konsensus

Sementara itu, beliau turut mengulas mengenai tindakan KKM untuk melanjutkan konsensus bagi penyediaan ubat-ubatan dan belakan perubatan untuk kemuda-

hannya daripada syarikat Pharmaniaga.

Katanya, tempoh berkenaan akan dilanjutkan selama 10 tahun lagi sebaik tempoh interim berakhir pada Jun tahun ini.

"Kami bekerjasama rapat dengan Pharmaniaga, bukan sebagai syarikat berkaitan kerajaan

(GLC) di bawah kerajaan tetapi sebagai sistem yang telah digunakan sejak sekian lama dari segi urusan logistik.

"Jadi, kita (KKM) memerlukan mereka dan menjadi tanggungjawab kita untuk meneruskan kerjasama berkenaan sebagai GLC di bawah kerajaan," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 30

RUANGAN : NASIONAL

Tempoh Pharmaniaga bekal ubat dilanjutkan 10 tahun lagi

KKM bekerjasama teruskan sistem diguna sejak sekian lama dalam urusan logistik

Oleh Qistina Sallehuddin dan Aqilah Alias
bhbiz@nstp.com.my

Kementerian Kesihatan akan melanjutkan penyediaan ubat-ubatan dan bekalan perubatan bagi kemudahannya daripada Pharmaniaga Bhd untuk tempoh 10 tahun lagi.

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa, berkata lanjutan tempoh baharu itu akan berkuat kuasa sebaik sahaja tempoh interim berakhir pada Jun ini.

"Kami bekerjasama rapat dengan Pharmaniaga, bukan sahaja sebagai syarikat berkaitan kerajaan (GLC), tetapi sebagai sistem yang telah digunakan sejak sekian lama dari segi urusan logistik.

"Jadi, kita memerlukan mereka, dan menjadi tanggungjawab kita untuk meneruskan permufakatan (dengan mereka) sebagai GLC di bawah kerajaan," katanya ketika ditemui pemberita selepas sesi 'townhall' Kertas Putih Kesihatan, di Kuala Lumpur, semalam.

Kerajaan sebelum ini melanjutkan tarikh rundingan perjanjian konsesi Pharmaniaga kepada Jun 2023 berikutan kerugian syarikat farmaseutikal itu sebanyak RM607.32 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Di-

seMBER 2022 berbanding keuntungan bersih RM172.15 juta pada tahun sebelumnya.

Ia berikutan peruntukan RM552 juta untuk 'stok vaksin COVID-19 yang bergerak perlahan' mendorong syarikat itu di bawah kategori Nota Amalan 17 (PN17) yang bermasalah kewangan.

Perolehan Pharmaniaga juga merosot 27.1 peratus kepada RM3.51 bilion daripada RM4.82 bilion berikutan permintaan yang lebih rendah daripada kerajaan untuk pembelian vaksin COVID-19.

Dua pemegang saham utama

Pharmaniaga adalah Boustead Holdings Bhd dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

Baru-baru ini, Bursa Malaysia Securities Bhd mengumumkan Pharmaniaga telah mencetuskan kriteria Perenggan 2.1(a) PN17 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama.

Bursa pantau Pharmaniaga

Pengendali Bursa Malaysia dalam kenyataan menegaskan ia akan terus memantau perkembangan Pharmaniaga dari segi pematuhannya terhadap Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama.

Berdasarkan maklumat mengenai syarikat di bawah PN17 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities dan Nota Panduan No 3 (GN3) Keperluan Penyenaraian Pasaran ACE, sebanyak 29 syarikat di bawah PN17 dan GN3 iaitu 3.05 peratus daripada keseluruhan 950 syarikat yang tersenarai di Pasaran Utama dan ACE Bursa Securities setakat 28 Februari 2023.

Selepas isu berkaitan PN17 tercetus, Pharmaniaga mengumumkan bahawa Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Datuk Zul Karnain Md Eusope, meletakkan jawatannya berkuat kuasa 14 Mac lalu.



Dr Zaliha berucap pada sesi 'townHall' Kertas Putih Kesihatan Zon Tengah di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

Kes Covid-19 masih terkawal

KUALA LUMPUR – Rakyat negara ini tidak perlu panik berikutan peningkatan kes Covid-19 sejak beberapa minggu lalu kerana ia masih terkawal.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, beberapa minggu terakhir ini, memang ada peningkatan sedikit jumlah kes Covid-19, tetapi masih terkawal dan kes kematian adalah rendah.

“Kita dapati, kes kematian melibatkan individu berumur 60 tahun ke atas dan ada penyakit lain.

“Penularan walaupun agak cepat, tetapi masih terkawal dan simptom tidak teruk,” katanya pada sidang akhbar selepas Sesi Town Hall Kertas Putih Kesihatan Zon Tengah di sini semalam.


Biar pun kes Covid-19 terkawal, namun beliau menggalakkan orang ramai memakai pelitup muka di tempat tumpuan ramai, khususnya jika bergejala termasuk pada Hari Raya Aidilfitri.

Dalam pada itu, Dr. Zaliha menyeru orang ramai memulangkan ubat-ubatan yang tidak habis dimakan kepada fasiliti kesihatan bagi mengelakkan pencemaran.

Menurut beliau, kerajaan membelanjakan kira-kira RM3 juta setahun untuk melupuskan ubat-ubatan tamat tempoh dengan kaedah yang betul.

“Sistem kesihatan kita sistem kesihatan yang sangat rahmah. Orang (beli makan) RM5 rahmah, tapi kita RM1 dapat sehingga sebulan bekalan ubat.

“Ada keadaan lebih ubat



ORANG ramai digalakkan memakai pelitup muka di tempat awam biarpun kes Covid-19 terkawal. – GAMBAR HIASAN

tidak diguna dibuang secara sesuka hati dalam tong sampah atau dalam lubang tandas.

“Ubat-ubatan ini jika masuk ke dalam sumber air boleh menyebabkan sumber air kita mengalami pencemaran,” katanya.

Sementara itu, beliau memberitahu, kementerian itu dalam

proses menyerapkan seramai 4,263 pegawai perubatan kontrak ke jawatan tetap pada tahun ini.

“Kita sedang laksanakan. Saya dengar ramai (pegawai perubatan kontrak) sudah ucap terima kasih kepada kita kerana berusaha membantu mereka,” katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 26
RUANGAN : NEGERI

Kes jangkitan pernafasan ILI meningkat di Johor



“

Sebanyak enam kluster yang dilaporkan berlaku di institusi pendidikan iaitu sebanyak 85.7 peratus manakala satu kluster berlaku di hospital (14.3 peratus).”

- Ling Tian Soon

JOHOR BAHRU - Kes dan wabak jangkitan saluran pernafasan, iaitu Influenza-like-illness (ILI) di Johor mencatatkan peningkatan.

Exco Kesihatan dan Perpaduan negeri, Ling Tian Soon berkata, sebanyak 4,355 kes jangkitan saluran pernafasan dilaporkan sehingga minggu epid pada 15/2023 iaitu peningkatan sebanyak 10.6 peratus berbanding 3,938 kes pada minggu epid sebelumnya.

Katanya, kumulatif kluster yang dilaporkan pula sebanyak 134 kes membabitkan 7 kluster membabitkan institut pendidikan dan hospital.

“Sebanyak enam kluster yang dilaporkan berlaku di institusi pendidikan iaitu sebanyak 85.7 peratus manakala satu kluster berlaku di hospital (14.3 peratus).

“Terdapat tiga kluster baharu dilaporkan pada minggu epid 15/2023 melibatkan institusi pendidikan,” katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Tian Soon memberitahu secara am-

nya, kes ILI dan Upper Respiratory Tract Illness (URTI) adalah jangkitan biasa yang berlaku tanpa musim di Malaysia sepanjang tahun dan hanya memerlukan pemantauan dan pengasingan diri.

“Pemantauan yang dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) terhadap jangkitan ILI dan URTI, mendapati situasi masih terkawal walaupun terdapat beberapa kluster melibatkan sekolah berasrama dikesan.

“Sehubungan itu, JKJN ingin menasihatkan orang ramai untuk mengambil langkah-langkah pencegahan antaranya mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap membasuh tangan,” kata beliau.

Jelasnya, kerajaan negeri dan JKJN akan terus memantau situasi dan trend kejadian ILI dan URTI di Johor, serta bekerjasama dengan pihak berkaitan bagi memastikan langkah-langkah kawalan dan pencegahan dijalankan dengan sewajarnya.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATION

White paper on health set to be tabled in Parliament in June

By GERARD GIMINO
gerard.gimino@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: The much-anticipated Health White Paper (HWP) is expected to be presented in Parliament this June, says Health Minister Dr Zaliha Mustafa.

She said arrangements to do so were already underway, with the matter also being brought to the Cabinet.

"We have contacted parliament officials to set a date for tabling the white paper," she said at a press conference after attending a town hall session on the matter yesterday.

The HWP is a document that highlights challenges faced by Malaysia's healthcare system and proposes solutions for a higher quality, more sustainable and resilient healthcare system, as a phased reform over a 15-year period.

She said reformations offered through the HWP were crucial to ensure the national healthcare system is sustainable.

She said it would also ensure the healthcare system was durable and responsive towards public health not only for the present but also the future.

"Town hall sessions are essential towards sharing some of the reformation plans (in the HWP) alongside hearing the people's input on it.

"There will also be upcoming town hall sessions conducted in Sabah, Sarawak and other regions," she said.

The document also outlines four pillars and 15 strategies to reforming the healthcare system.

The four pillars are transforming healthcare service delivery; advancing health promotion and disease prevention; ensuring sustainable and equitable health financing; and strengthening the health system's foundations and governance.

Dr Zaliha also launched a website on the HWP during the session, adding it would function as a platform for the public to learn more about the document's content.

"The website also allows the public and stakeholders to air their views and even submit suggestions for inclusion into the HWP," she said.

The HWP also proposed for a health reform commission to be set up to monitor the implementation of all health reform strategies outlined in the white paper.

Separately, Dr Zaliha assured that the Covid-19 situation nationwide was under control.

She said the subvariants currently present were the XBB1.5, 1.16 and 1.9, and were from the Omicron strain.

"Although these subvariants are more infectious, their symptoms are not as severe.

"The Covid-19 situation is still under control, and there is no need to panic," she said.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Covid-19 cases under control: Minister

KUALA LUMPUR: There is no need to panic as the number of Covid-19 cases in the country is still under control, said Health Minister Dr Zaliha Mustafa.

She said the number of deaths due to Covid-19 was also low, mostly involving the elderly and individuals with comorbidities.

Zaliha said although the transmission rate of the latest Omicron sub-variants is faster than the previous ones, it is still under control with no severe symptoms.

"The sub-variants that we have identified are XBB 1.5, XBB 1.16 and XBB 1.9.1 and it is still the Omicron type," she told a press conference after attending a town hall session on the Health White Paper yesterday.

Zaliha advised the public to wear face masks if they experience any symptoms.

"We also encourage individuals with symptoms to do a screening test, especially during the festive period when meeting family and friends.

"If you have symptoms, avoid spreading the virus to the rest of the family."

Meanwhile in another development, she said 4,264 contract medical officers have been appointed to permanent positions as of Monday.

"I received positive feedback, some thanked the Health Ministry for helping the doctors involved."

On April 4, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim announced that 12,800 of the 20,330 contract doctors would be absorbed into permanent positions within three years, involving an additional allocation of RM1.7 billion.

Earlier, Zaliha also launched the Health White Paper website, which would allow the public to obtain information and provide suggestions or views on the initiative.

She said the report would be presented in Parliament in June. - Bernama